

PM: 20 tahun bina flet

PULAU PINANG, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir meramalkan hanya rumah-rumah jenis ekonomik sahaja yang akan dibina dalam tempoh 20 tahun akan datang oleh Koperasi Tunas Muda di Pulau Pinang.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "saya meramalkan rumah-rumah bertingkat sahaja akan didirikan di sini".

Perdana Menteri meramalkan demikian semasa merasmikan upacara penyerahan kunci rumah kepada penduduk-penduduk di Taman Melati petang semalam.

Projek tersebut diusahakan oleh Koperasi Tunas Muda, sebuah koperasi Bumiputera yang mengadakan projek perumahan secara besar-besaran di negeri ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir memuji usaha koperasi tersebut atas kejayaannya mengadakan projek itu.

Perdana Menteri menegaskan lagi, Kerajaan akan terus berusaha memberi peluang kepada rakyat termasuk golongan setinggan memiliki rumah.

Katanya, Kerajaan mempunyai peranan menempatakan setinggan-setinggan di bandar.

Tetapi setengah setinggan tersebut telah meletakkan syarat yang terlalu ketat terhadap Kerajaan.

Antara syarat-syarat tersebut, ujar beliau, mereka mahukan Kerajaan membina rumah deret di tengah bandar yang kawasan tanahnya berharga terlalu tinggi.

Syarat-syarat tersebut, menurutnya, sukar diterima Kerajaan.

Perdana Menteri berkata, setinggan-setinggan di kawasan bandar mestilah sanggup mengubah sikap mereka.

"Mereka mestilah sanggup tinggal di rumah pangsa," katanya.

Beliau menambah, dalam zaman yang berubah ini, mereka mestilah sanggup mengubah cara hidup mereka.

Kita tidak mengelak diri dari tinggal di rumah pangsa kerana menghadapi masalah kekurangan tanah, katanya.

Terdahulu dari itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang juga pengerusi koperasi tersebut berkata, Koperasi Gabungan Negeri (KGN) akan terus membina rumah bagi keperluan rakyat, terutama orang

Melayu.

Katanya, satu masalah yang dihadapi ialah harga rumah murah sekarang ini meningkat \$25,000 sebuah.

Memandang keadaan ini, jelas beliau, tidak ramai golongan berpendapatan rendah dapat memiliki rumah.

Datuk Abdullah berkata, bagi mengatasi masalah itu, koperasi bercadang membina rumah-rumah jenis unit asas yang mampu dibeli mereka.

Rumah jenis itu katanya, hanya menyediakan kemudahan asas utama seperti bilik air, tempat tidur dan tempat yang perlu.

Katanya, mereka yang mampu bolehlah menambahkannya kemudian sehingga sempurna untuk diduduki.

Turut hadir di upacara itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Goh Cheng Teik serta Ahli Parlimen Balik Pulau, Encik Shamsuri Haji Salleh.

No. Siri 67

No. Penerimaan.....